

# Bantahan di tengah laut

Nelayan berkumpul protes projek pembinaan benteng hakisan



Kira-kira 400 nelayan berkumpul di tengah laut membantah secara aman projek pembinaan benteng hakisan.

■ NOR AZURA MD AMIN

**PONTIAN** - Kira-kira 400 nelayan menaiki lebih 100 buah bot berkumpul di tengah laut sebagai tanda bantahan mereka ke atas projek mega pembinaan benteng penghalang hakisan di Tanjung Piai, semalam.

Seawal jam 8 pagi, nelayan daripada enam pangkalan iaitu Chokoh, Perpat, Pengkalan Penghulu, Sungai Durian, Tanjung Piai dan Kukup Laut bergerak ke lokasi pembinaan benteng tersebut berhampiran Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP).

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Nelayan, Mansor Mahiden berkata, kerja-kerja pembinaan benteng hakisan yang semakin giat dilakukan dalam tempoh enam bulan lepas menyebabkan mata pencarian nelayan terjejas.

Beliau turut mendakwa kerja-kerja pembinaan benteng sepanjang kira-kira 2.3 kilometer dengan ke-

lebaran 500 meter dari pesisir paya bakau ke laut akan merosakkan khazanah marin laut seperti ikan dan udang yang banyak terdapat di Tanjung Piai.

Dakwanya, projek mega itu akan mengakibatkan kawasan laut musnah dan seterusnya membentuk kawasan daratan baharu akibat benteng hakisan tersebut.

"Kami kesal dengan sikap pemaju yang tidak peka dengan masalah yang dialami penduduk khususnya nelayan apabila kawasan tangkapan bagi nelayan pantai iaitu 500 meter dari darat diambil alih bagi projek pembinaan benteng hakisan tersebut.

"Jika dahulu kami mampu meraih pendapatan RM100 sehari bagi hasil tangkapan ikan, udang dan ketam, namun kini kami begitu sukar untuk mencari rezeki, malah ada kalanya pulang dengan tangan kosong," katanya ketika ditemui selepas membuat perhimpunan aman bersama kira-kira 400 nelayan di Tanjung Piai, semalam.

Tambahnya lagi, kerja-kerja pembinaan benteng itu juga me-

nyebabkan kawasan pencarian rezeki nelayan terjejas dan dibimbangi sebuah kawasan daratan baharu akan terbentuk selepas ini.

Sehubungan itu, pihaknya berharap agar bantahan secara aman itu menjadi landasan kepada suara nelayan yang dianggap sepi sebelum ini.

"Kami amat berharap agar kerajaan mendengar rintihan kami dan menyediakan pampasan yang sewajarnya di mana menuntut sebanyak RM 15 juta sebagai ganti rugi akibat daripada projek mega tersebut," katanya.

## Dakwa nelayan dipinggirkan

Dalam pada itu, Mansor turut melahirkan kekesalan suara nelayan tidak diendahkan jabatan dan agensi terlibat ekoran surat yang dihantar tidak balas meskipun tempoh masa telah diberikan kepada mereka.

"Kami kesal kerana tiada sebarang jawapan yang diberikan malah kami sudah menunggu hampir empat bulan sehingga bantahan ini dilakukan. "Ruang perbincangan sentiasa terbuka dan kami amat mengalu-alukan kehadiran pemimpin terutama Exco Pertanian dan Asas Tani datang bertemu kami di sini," katanya.

Jelasnya, beliau mahu jawapan yang tepat diberikan dengan na-

sib nelayan jadi keutamaan termasuk pampasan yang perlu diberikan.

"Kami merasa seperti terumbang ambing kerana menjadi mangsa dalam isu ini, sudahlah pendapatan kami kini terjejas teruk, nasib kami pula dipandang sepi.

Nelayan, Mohd Tahir Abdul Hamid, 45, berkata pendapatan beliau terjejas akibat kawasan pencarian ikan yang hilang ekoran pembinaan benteng hakisan tersebut.

"Kami mahu nasib kami dibela sekiranya kawasan laut yang menjadi periuk nasi kami sejak sekian lama diambil alih.

"Sudah pasti kami bimbang tentang masa depan kami dan paling penting khazanah laut yang akan diwarisi kepada anak cucu kami," katanya.

## Mahu bertemu nelayan dalam masa terdekat

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Ismail Mohamed berkata, pihaknya akan bertemu dengan kumpulan nelayan terbabit di Tanjung Piai dalam masa terdekat.

"Saya tidak mempunyai halangan untuk bertemu mereka (nelayan Tanjung Piai). Ini kerana per-

bincangan di peringkat kerajaan negeri dan Adun telah diadakan sebelum ini.

"Dalam masa terdekat ini saya akan bertemu dengan nelayan Tanjung Piai bagi membincangkan isu pembinaan benteng hakisan yang didakwa telah menjejaskan mata pencarian mereka," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Beliau turut mengakui, pembinaan benteng hakisan terbabit telah menjejaskan pendapatan nelayan setempat.

"Saya telah berjumpa dengan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Johor Selatan dan telah membawa permasalahan nelayan Tanjung Piai kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar Malaysia (Irda).

"Walaupun tiada pampasan yang dapat disediakan kepada nelayan tempatan semasa projek berkenaan dicadangkan, namun saya telah meminta pihak Irda menyediakan pelan jangka panjang bagi membantu nelayan yang terjejas," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memberi khabar gembira, apabila kerajaan negeri bakal memberi sagu hati sebanyak RM1,000 kepada nelayan terjejas di Tanjung Piai.

"Pemberian sagu hati diharap dapat meringankan beban nelayan yang terjejas dengan projek pembinaan hakisan tersebut.

"Kerajaan negeri komited dalam memperjuangkan nasib nelayan malah turut menubuhkan Tabung Nelayan Negeri bagi memastikan nasib golongan nelayan tidak terpinggir," katanya.



Mansor menunjukkan memorandum nelayan Tanjung Piai terhadap projek pembinaan benteng hakisan di Pengkalan Penghulu, semalam.



Nelayan berkumpul di kawasan pembinaan benteng hakisan di tengah-tengah laut sebagai tanda bantahan.